


: 1 /10/2022

HABAR : SINAR HARIAN

JRAT : 28

1,601 tindakan punitif dikenakan kepada majikan



KEMAMAN – Sebanyak 1,601 tindakan punitif dikenakan kepada majikan di Terengganu dalam tempoh Januari hingga Ogos tahun ini kerana pelanggaran perundangan berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP).

Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Terengganu, Mohd Zahari Hitam berkata, antara tindakan punitif itu adalah 1,159 surat arahan, 404 notis, 29 kertas siasatan kompaun

dan sembilan kertas pendakwaan.

Menurutnya, sebanyak sembilan kes kematian akibat kemalangan di tempat kerja turut direkodkan di negeri itu bagi tempoh sama.

“Selain itu, JKKP Terengganu juga menerima tiga kes hilang upaya kekal, 106 kes tanpa hilang upaya kekal, 11 kes kejadian berbahaya dan 18 aduan sepanjang lapan bulan pertama tahun ini.

“Kita memandang serius perkara ini dan akan mengambil

tindakan berdasarkan undang-undang kepada majikan bagi mencegah kemalangan di tempat kerja.

“Oleh itu, kita harap semua pihak iaitu kerajaan, majikan dan pekerja dapat menggembeng tenaga supaya jumlah kemalangan yang dinyatakan ini dapat dikurangkan, seterusnya dihapuskan pada masa akan datang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis

Pelancaran KKP dan Majlis Menandatangani Nota Kerjasama (Nou) Kolej Vokasional (KV) Kemaman–JKKP Terengganu–Venator Asia Sdn Bhd di sini pada Khamis.

Dalam NoU melibatkan tiga pihak itu, KV Kemaman diwakili Pengarahnya, Wan Zakaria Wan Ismail, manakala Site Director Venator Asia Sdn Bhd, Datuk Rozano Saad mewakili Venator Asia Sdn Bhd.